

**Nama Projek:** Stormwater Management and Road Tunnel  
**Konsesi:** Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd.

**Fakta Teknikal Terowong:**

**Diameter:** 13.2 meter  
**Panjang:** 3 kilometer  
**Jenis struktur:** Dek Dwaras

**Latar belakang:** Projek gabung dua sistem iaitu sebagai laluan trafik dan pengurusan bagi banjir dengan keseluruhan sejauh 9.7 kilometer.

**Komponen terlibat:** Struktur pengalihan, takungan air, terowong dua tingkat dan sistem pembentungan berkembar.

**Keupayaan:** Dapat menampung kapasiti air hingga tiga juta meter padu dengan kolam takungan khas di Kampung Berembang dan Taman Desa.

**Senario terowong:** Mengandungi empat sistem pengudaraan dan laluan keluar kecemasan di setiap satu kilometer.

**Aliran trafik:** Dua tingkat laluan terowong bawah tanah sepanjang tiga kilometer hubung Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di selatan dengan Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tun Razak di utara.

**Pengurusan trafik dan laluan air:** Dikawal penuh oleh Sistem Smart berfungsi melalui tiga peringkat operasi berasaskan hubungan antara limpahan air Sungai Klang/Ampang dan keadaan lalu lintas.

**Pemantauan:** Limpahan air dan aras air sungai akan diawasi melalui stesen hidrologi di sepanjang dua sungai tersebut dan dialir ke laluan bawah terowong apabila melebihi 70 meter padu.

**Situasi kecemasan:** Laluan trafik masih dibuka hingga isipadu limpahan melebihi 150 meter padu, maka semua laluan ditutup namun keadaan ini dijangka berlaku hanya satu atau dua kali setahun.

**Pasca kecemasan:** Operasi laluan trafik dibuka semula apabila limpahan berkurangan kepada 70 meter padu tetapi mengambil masa empat hari melibatkan kerja pembersihan terowong dan sebagainya.

Lewat memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC)

# Pembukaan Smart tertangguh

Oleh AMREE AHMAD dan MEGAT RAMLI  
 MEGAT RAOF

berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Pembukaan Sistem Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (Smart) kepada orang ramai terpaksa ditangguhkan walaupun dijadualkan dapat digunakan pada awal tahun 2007

Sebaliknya menurut sumber, ia hanya dapat dibuka pada awal tahun 2008 kerana ia masih belum lagi mendapat sebarang pentauliahian rasmi daripada pihak berkuasa.

Sumber itu menjelaskan tanda tanya di kalangan orang ramai mengenai pembukaan projek bernilai RM2 bilion itu walaupun kain-kain rentang dan papan-papan tanda mengenainya telah dipasang di sekitar Kuala Lumpur.

Antaranya di Pusat RHB, Jalan Tun Razak berdekatan Bulatan Kampung Pandan yang memaklumkan kepada orang ramai bahawa terowong tersebut akan dibuka pada awal tahun 2007.

Menurut sumber itu, kegagalan tersebut juga ada kena mengena dengan kelewatan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) berikutan terowong itu didapati masih belum memenuhi spesifikasi ditetapkan.

Katanya, meskipun kerja-kerja pembinaan terowong Smart sepanjang 9.7 kilometer itu kelihatan siap sepenuhnya kecuali sistem pendawaian, namun disebabkan perkara tersebut ia belum boleh digunakan lagi.

“Setakat ini, mengikut jadual, terowong itu mungkin akan dibuka pada akhir tahun depan dan jika masih belum mematuhi spesifikasi

yang ditetapkan, maka laluan itu akan dibuka awal 2008,” katanya kepada KOSMO! semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas jangkaan penyiapan terowong Smart bagi kegunaan pengguna jalan raya ekoran terdapat beberapa kain rentang telah dipasang berhubung pembukaan laluan itu.

Sumber juga mengakui menerima banyak panggilan daripada orang ramai berhubung kain rentang tersebut dan kebanyakan mereka ingin mengetahui tarikh sebenar terowong tersebut akan dibuka.

“Apa yang dinyatakan itu agak mengelirukan kerana selama ini kami sendiri pun belum menerima sebarang maklumat mengenai tarikh sebenar ia dibuka dalam masa terdekat ini,” ujarnya.

Bagaimanapun, Pengurus Teknikal Smart, Mustakim Rashid tetap yakin terowong tersebut akan dibuka awal tahun 2007 dan kerja-kerja pembinaan jalan telah siap sepenuhnya.

Bagaimanapun tarikh sebenar ia akan dibuka tidak diberitahu kerana masih terdapat beberapa lagi proses sebelum tindakan sedemikian dilakukan dan pengguna lebuhraya diharap bersabar.

Menurutnya, Smart kini hanya menunggu untuk memperoleh sijil rasmi dan tindakanewartakan jalan itu daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak lama lagi.

“LLM kini pun sedang giat menjalankan kerja-kerja pemeriksaan di dalam terowong itu mengikut spesifikasi ditetapkan dan ia dijangka selesai sebulan atau dua bulan lagi,” katanya.



PAPAN tanda di Jalan Tun Razak yang memaklumkan orang ramai bahawa projek Smart akan dibuka pada awal 2007.

Ditanya mengenai kaitan pihaknya dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung kerja-kerja pembinaan yang masih belum selesai serta tidak memperoleh CCC beliau berkata;

“Pembukaan terowong Smart mungkin juga dibuka meskipun kerja-kerja itu belum siap sepenuhnya, tetapi ia bergantung kepada keputusan pihak berkuasa untuk memutuskan.”